



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
AHAD 8 NOVEMBER 2020**

<b>BIL</b>	<b>TAJUK KERATAN AKHBAR</b>	<b>KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI</b>
1. 2. 3. 4. 5.	BANTUAN PULIH SEKTOR AGROMAKANAN, NASIONAL, BH AHAD -5 BELANJAWAN 2021 PERKASA SEKTOR PERTANIAN, NEGERI, SH -39 BELANJAWAN 2021 LONJAK HASIL PADI, PENDAPATAN PETANI, NEGARA, KOSMO -7 PKPB: KEMENTERIAN BERJAMINAN LAMBAKAN HASIL PERTANIAN, PERTERNAKAN TIDAK AKAN BERLAKU, BERNAMA -ONLINE PELIHARA SUNGAI, ELAK AKTIVITI JEJAS EKOSISTEM DAN PENDAPATAN NELAYAN, BERITA RTM -ONLINE	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
6. 7.	ANAK MUDA DIGALAK JADI PENTERNAK ARNAB PEDAGING, SUARA PERAK -ONLINE BIDANG TERNAKAN ARNAB MENINGKAT, NEGERI PERAK/KELANTAN, SH -38	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (JPV)
8. 9.	VIETNAMESE BOAT HELD FOR ILLEGAL FISHING, NEWS, NST -12 TARIKAN IKAN LAGA, NEGARA, KOSMO -13	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
10.	PRODUK ENNA & QFISH, SINAR AHAD -7	PERSATUAN NELAYAN KEBANGSAAN (NEKMAT)
11. 12. 13.	TIADA LAGI KELAH DI SUNGAI LEBIR, JAGA SUNGAI KITA, BH AHAD -19 SEMANGAT BESAR INSAN 'KECIL', DI MANA ADA USAHA, METRO AHAD -6 POKOK MANJA 'BELAIAN' LEBIH, XPRESI, METRO AHAD -36	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
8/11/2020	BERITA HARIAN AHAD	NASIONAL	5

# Bantuan pulih sektor agromakanan

Semua agensi berperanan pastikan bekalan makanan negara terjamin

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim  
mohd\_iskandar@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan akan memastikan perancangan dalam Belanjawan 2021 dapat memulihkan sektor agromakanan negara pada setiap peringkat rantaian.

Menterinya, Datuk Seri Dr Ronald Klandee, berkata belanjawan itu dirangka merangkumi pelbagai bantuan dan inisiatif strategik serta bersasar yang akan membantu rakyat sepanjang tempoh pemulihan ekonomi, termasuk dalam sektor pertanian dan industri makanan.

"Semua inisiatif yang diumumkan kerajaan melalui Belanjawan 2021 amat bertepatan dengan keadaan sekarang, apatah lagi kesan wabak COVID-19 akan terus diwasai pada tahun depan.

"Belanjawan ini dapat membantu keseluruhan sektor ekonomi, termasuk pengusaha agromaka-



nan untuk kembali pulih dan meneruskan kelangsungan perusahaan masing-masing dengan terus menyumbangkan kepada industri agromakanan negara," katanya dalam kenyataan semalam.

Ronald berkata, semua agensi kementerian itu diminta memainkan peranan secara berterusan untuk memastikan bekalan makanan negara terjamin.

Katanya, sektor pertanian dan industri makanan satu-satunya industri yang berkembang pada suku kedua tahun ini dan diunjurkan akan terus berkembang pada 4.7 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) tahun depan.

"Bagi terus merancakkan sektor ini, kerajaan memperuntuk sebanyak RM4.79 bilion bagi kementerian ini.

"Dana ini termasuk bagi tujuan perbelanjaan mengurus sebanyak RM3.28 bilion dan perbelanjaan pembangunan sebanyak RM1.51 bilion.

"Di bawah perbelanjaan mengurus, kementerian menerima RM1.72 bilion bagi pemberian subsidi, insentif dan bantuan untuk petani dan nelayan.

"Elaun Sara Hidup Nelayan menerima pertambahari pembiayaan sebanyak RM30 juta dengan peningkatan elaun daripada RM250 kepada RM300 sebulan bagi setiap nelayan," katanya.

Ronald berkata, orang ramai patut menceburi bidang pertanian dan agromakanan, terutama mereka yang kehilangan pekerjaan.

Bantuan kepada petani, peladang dan nelayan **BELANJAWAN 2021**



**Insentif pengeluaran getah**

Peruntukan naik sekali ganda kepada

**RM300 JUTA**

**150,000** pekebum kecil getah persendirian

**RM570 juta**  
Subsidi harga padi

**RM960 juta**  
Subsidi & insentif tanaman padi

**RM40 juta**  
Subsidi baja padi bukit

Lebih 300,000 pesawah terbabit termasuk penanam padi bukit

Kenaikan elaun sara hidup nelayan kepada **RM300 sebulan**

**RM151 juta** diperuntukkan kepada 40,000 nelayan

**RM1.7 bilion**  
Subsidi, Bantuan & Insentif PETANI dan NELAYAN

**Peneroka FELDA**

**400 juta** diperuntukkan

- » Menghapus faedah hutang pekebum peneroka
- » Program pembangunan mendapatkan hasil baharu



Sumber: Kementerian Kewangan

grafika



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
8/11/2020	SINAR HARIAN	NEGERI	39

## Belanjawan 2021 perkasa sektor pertanian

**JASIN** - Kementerian Pertanian dan Industri Makanan menyambut baik peruntukan yang diumumkan dalam pembentangan Belanjawan 2021 kelmarin.

Timbalan Menteri, Datuk Seri Ahmad Hamzah berkata, angka besar yang diterima kementerian itu jelas menunjukkan sektor pertanian begitu penting apabila mempamerkan unjuran serta perkembangan positif dengan menyumbang 7.1 pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia.

Menurutnya, inisiatif kerajaan yang memberikan tumpuan khusus kepada sektor itu dilihat mampu memberikan sinar baharu kepada penternak, petani dan nelayan untuk mereka menaik taraf kehidupan selain pemangkin mengurangkan pergantungan negara.

“Peruntukan RM1.7 bilion itu akan membantu golongan berkenaan termasuk pelbagai subsidi, insentif, bantuan dan elaun yang terdiri daripada Subsidi Harga Padi, Subsidi Baja Padi, Subsidi Benih Padi Sah, Insentif Pengeluaran Padi dan Insentif Bersasar Nelayan.

“Selain itu, sebanyak RM782 juta disediakan sebagai pemberian kepada badan berkanun di bawah kementerian ini,” katanya selepas merasmikan program pelepasan benih udang galah ke perairan umum dan penyerahan kad pendaftaran nelayan sungai di Sungai Rambai di sini semalam.

Ahmad yang juga Ahli Parlimen Jasin berkata, sebanyak dua juta benih ikan dan udang telah dilepaskan di perairan negeri ini bagi memperkayakan stok dan memelihara sumber daripada perairan sungai.



Ahmad (dua dari kiri) melepaskan benih udang galah di Sungai Rambai semalam.



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
8/11/2020	KOSMO AHAD	NEGARA	7



PROGRAM e-satelit memacu aktiviti pertanian dijangka menarik minat golongan muda. - GAMBAR HIASAN

## Belanjawan 2021 lonjak hasil padi, pendapatan petani

**ALOR SETAR** – Lembaga Kema-  
juatan Pertanian Muda (MADA)  
yakin peruntukan untuk sektor  
pertanian padi yang diumumkan  
dalam Belanjawan 2021 kelmarin  
mampu melonjak hasil tanaman  
itu dan kehidupan pesawah.

Pengerusinya, Ahmad Tarmi-  
zi Sulaiman berkata, secara  
keseluruhan MADA akan terus  
beriltizam untuk kekal menjadi  
penyumbang utama pengeluaran  
padi negara.

"MADA menyambut baik  
peruntukan sebanyak RM1.7 bi-  
lion untuk Subsidi Harga Padi  
dan Subsidi dan Insentif Tana-

man Padi yang memberi man-  
faat kepada 57,635 peladang di  
kawasan Muda yang mengusaha-  
kan seluar 100,685 hektar sawah  
padi.

"MADA juga bersyukur dan  
teruja pengumuman untuk pro-  
gram baharu iaitu peruntukan  
sehingga RM10 juta bagi pelak-  
sanaan program e-satelit bagi  
memacu aktiviti perladangan  
moden 'internet of thing' termas-  
uk dron," jelasnya semalam.

Tambah beliau, MADA yakin  
program-program baharu itu  
mampu menjadi katalis kepada  
pemodenan sektor tanaman padi

dengan suntikan dana bukan  
hanya kepada peladang tetapi  
turut melibatkan pemain indus-  
tri seperti Pertubuhan Peladang  
Kawasan dan pembekal perkhid-  
matan.

"Kita menjangkakan program  
ini mampu memberi impak  
positif kepada peningkatan hasil  
padi dan amalan pertanian yang  
lebih baik di peringkat ladang.

"MADA juga menjangkakan  
inisiatif yang memfokuskan ke-  
pada IR4.0 dapat menarik minat  
lebih ramai golongan muda di  
dalam industri penanaman padi,"  
katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
8/11/2020	BERNAMA	ONLINE	

## PKPB: Kementerian beri jaminan lambakan hasil pertanian, penternakan tidak akan berlaku



Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II Datuk Che Abdullah Mat Nawi

GERIK, 8 Nov -- Kementerian Pertanian dan Industri Makanan memberi jaminan isu lambakan sayur, ikan dan ayam sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) yang akan bermula esok tidak akan berlaku seperti semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada Mac lepas.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II Datuk Che Abdullah Mat Nawi berkata lambakan hasil pertanian dan penternakan sebelum ini adalah disebabkan masalah logistik serta kekeliruan pihak pengeluar mengenai kaedah memasarkan produk semasa tempoh PKP.

"Pihak kementerian mengambil tindakan segera dengan membuka bilik gerakan dan menjawab semua soalan yang diajukan mereka (petani, penternak dan nelayan) dan akhirnya masalah itu dapat diselesaikan di setiap rantaian bekalan serta pemasaran makanan.

"Kita berharap pihak pengeluar (petani, penternak dan nelayan) sentiasa berhubung dengan kementerian atau agensi yang berkaitan kerana sebelum pengeluaran sesuatu hasil, kena cuba selesaikan masalah pemasaran (sekiranya ada) terlebih dahulu," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas mengadakan lawatan kerja ke Ladang Sinergi Zon Industri Akuakultur (ZIA) Tasik Temenggong yang turut dihadiri Pengarah Jabatan Perikanan Negeri Perak Zaki Mokri di sini hari ini.

Che Abdullah juga memberi jaminan bahawa bekalan makanan harian dan barangan keperluan asas adalah mencukupi sepanjang tempoh PKPB selama empat minggu yang bermula esok.

"Sektor pengeluaran makanan merupakan sektor penting, sektor ini tidak akan terhenti dan terus digerakkan namun mematuhi segala prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan kerajaan dalam mengawal penularan COVID-19.

"Kementerian sentiasa memberi galakan kepada para usahawan makanan, penternak, petani dan nelayan supaya terus mengeluarkan makanan dan kementerian akan menjaga setiap rantaian daripada proses pengeluaran sehinggalah sampai kepada pengguna," katanya.

Mengulas mengenai ladang ZIA yang berkeluasan 100 hektar itu, beliau berkata ia dijadikan pusat projek penternakan ikan tilapia spesies GenoMar Supreme (GST) dalam sangkar diterajui Trapia Malaysia Sdn Bhd sejak 2011.

Che Abdullah berkata menerusi konsep pemindahan teknologi, peserta dipilih untuk menjalani latihan dan aktiviti penternakan dengan bimbingan syarikat itu manakala Jabatan Perikanan negeri pula berperanan memantau projek secara keseluruhan.

"Sehingga kini, seramai enam peserta yang masih aktif melaksanakan aktiviti penternakan ikan tilapia dalam sangkar. Projek ini rantaian daripada pembenihan sehinggalah kepada pemrosesan untuk dieksport ke negara Eropah," katanya.

Beliau berkata setiap peserta dibekalkan dua unit sangkar dan kira-kira 200 tan ikan dihasilkan dengan dua kali pusingan setahun dan mampu menjana pendapatan sebanyak RM900,000 pada kadar jualan RM4.50 bagi setiap kilogram.

-- BERNAMA



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
8/11/2020	BERITA RTM	ONLINE	

## Pelihara sungai, elak aktiviti jejas ekosistem dan pendapatan nelayan



**JASIN, 8 November** - Rakyat diingatkan terus bersama menjaga kelestarian sungai dengan tidak mencemarkannya.

Timbalan Menteri 1 Kementerian Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Ahmad Hamzah mahu laporan segera dibuat kepada pihak berwajib sekiranya mengesan aktiviti yang boleh mencemarkan sumber rezeki kepada nelayan.

Semua aktiviti itu jelasnya boleh menjejaskan ekologi sungai sekali gus memberi kesan kepada pendapatan nelayan sungai.

Pada perkembangan lain, Datuk Seri Ahmad menyifatkan insentif dan subsidi disalurkan kepada petani,

nelayan dan penternak menerusi Belanjawan 2021 dapat membantu meningkatkan pengeluaran makanan negara.

Beliau berkata demikian pada program pelepasan benih udang galah ke perairan umum dan penyerahan kad pendaftaran nelayan sungai negeri Melaka di Sungai Rambai.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
8/11/2020	SUARA PERAK	ONLINE	

## Anak Muda Digalax Jadi Penternak Arnab Pedaging



TELUK INTAN: Kerajaan menggalakkan anak muda di Perak untuk menceburi bidang penternakan arnab yang semakin berkembang pesat di seluruh negara.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II, Datuk Che Abdullah Mat Nawi berkata, sehingga kini, seramai 95 orang penternak arnab pedaging di Perak dengan bilangan ternakan sebanyak 15,000 ekor.

Katanya, ia menunjukkan peningkatan berbanding tahun 2019 iaitu hanya 62 orang penternak dengan 5,000 ekor arnab pedaging sahaja.

"Kerajaan amat menggalakkan masyarakat menceburi bidang penternakan arnab pedaging khususnya anak muda kerana ia adalah suatu bidang yang agak ringan dan mampu dilaksanakan oleh semua golongan masyarakat serta tidak memerlukan modal dan tanah yang besar.

"Tambahan pula, pulangnya sangat cepat kerana arnab berumur 80-90 hari telah boleh disembelih dan boleh dijual sekitar RM40 – RM50 seekor selepas diproses.

"Penternakan arnab pedaging ini juga akan mempelbagaikan sumber daging kepada rakyat Malaysia dalam memastikan jaminan makanan negara," katanya ketika berucap merasmikan pusat jualan bahan pertanian FJ Trading di Pekan Langkap di sini, hari ini.

Menurut Che Abdullah, di bawah Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA), kerajaan memperuntukkan RM350 juta di bawah Skim Agromakanan yang boleh dimanfaatkan oleh usahawan agro dan industri makanan melalui kemudahan AgroKredit, MyFutureAgro dan Kebuniti.

Sementara itu, beliau mengucapkan tahniah dan berbangga dengan pencapaian Muhammad Fauzi Jipri yang melaksanakan projek penternakan arnab pedaging dan membuka Pusat Jualan Input Pertanian dan Penternakan Bumiputera yang pertama di daerah ini.



Beliau berharap agar kejayaan Muhammad Fauzi dapat menjadi inspirasi kepada anak muda yang mahu menceburi sektor itu.

Dalam majlis tersebut, Che Abdullah melawat Ladang Penternakan Arnab Pedaging FJ Rabbitry di Tapah Road, Tapah untuk meninjau proses penternakan arnab pedaging.

Ladang tersebut mula beroperasi sejak Disember 2018 dan mempunyai 450 ekor ternakan arnab dan menjadi pembekal utama daging arnab ke Lembah Klang.

Muhammad Fauzi merupakan usahawan Agroprenuer Muda Kementerian Pertanian dan Industri Makanan Negara yang mendapat pembiayaan sebanyak RM150,000 daripada MARDI pada tahun 2017.

Peruntukan tersebut telah digunakan oleh Muhammad Fauzi untuk membeli mesin dan peralatan membuat baja organik berasaskan najis arnab dan kini beliau berjaya memasarkan baja tersebut ke sekitar Perak dan Selangor.



# Bidang ternakan arnab meningkat

Hasil inisiatif Kementerian Galak penglibatan usahawan muda menerusi bantuan Geran Agropreneur Muda

Oleh NOOR AINON  
MOHAMED YUSOF

## TAPAH

**B**idang penternakan arnab pedaging meningkat dengan mendadak apabila Perak mencatatkan seramai 95 penternak berbanding 62 orang tahun lalu.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Che Abdullah Mat Nawi berkata, populasi arnab turut meningkat tiga kali ganda apabila mencecah 15,000 ekor dalam tempoh sama.

Menurutnya, perkembangan positif itu hasil inisiatif Kementerian yang menggalakkan penglibatan usahawan muda menerusi bantuan Geran Agropreneur Muda.

“Daerah Batang Padang merupakan daerah tertinggi bilangan

penternak dan arnab di negeri ini. Lokasinya juga strategik kerana berhamiran dengan Lembah Klang yang merupakan tempat jualan daging arnab utama penternak.

“Disebabkan itu, pasaran daging arnab ini sangat luas. Usaha berterusan dijangka mampu menjadi alternatif baharu kepada sumber protein negara, tambahan ia tidak memerlukan kos yang tinggi selain memberi pulangan yang cepat dan lumayan,” katanya ketika lawatan kerja ke Kedai Pembekal Input Pertanian dan Penternakan FJ Trading, Langkap dan Projek Ternakan Arnab Pedaging FJ Rabbitry Tapah Road di sini semalam.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Manik, Datuk Zainol Fadzi Paharuddin dan Pengarah Perkhidmatan Veterinar Perak, Dr Ahmad Sharif Hassan.

Che Abdullah bagaimanapun berkata, penternakan arnab yang ada kini masih belum dapat memenuhi sepenuhnya jumlah permintaan yang tinggi.

Justeru, beliau menyarankan usahawan muda supaya menceburi bidang berkenaan dengan mendapatkan latihan dan kursus yang disediakan Jabatan Perkhidmatan Veterinar Perak selain menyertai Koperasi Arnab.



Che Abdullah (dua dari kanan) ketika lawatan kerja di Projek Ternakan Arnab Pedaging FJ Rabbitry Tapah Road di Tapah semalam.

“Jabatan Veterinar akan membantu dari segi pengajaran kursus, bengkel, peralatan dan sebagainya. Sehingga bulan lalu, seramai 15 penternak muda diberi bantuan untuk berkecimpung dalam sektor ini.

“Penternak digalakkan untuk me-

nyertai koperasi ini agar penjualan arnab pedaging dapat diperluaskan seluruh negara selain menerima facedah lain. Sewajarnya penternak di luar sana dapat mendaftar supaya kerajaan dapat membimbing usaha mereka itu agar lebih berjaya,” katanya.



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
8/11/2020	NST	NEWS	12

# Vietnamese boat held for illegal fishing

**KOTA KINABALU:** Royal Malaysian Navy vessel *KD Paus* detained a foreign boat believed to be illegally fishing in Malaysian waters. *KD Paus* commanding officer Lieutenant Commander Nor Hisham Rahman said the fishing boat was located 149 nautical miles from Kota Kinabalu at noon on Friday. It was detained and inspected along with its 16 crew members. "The inspection found that all crew members were Vietnamese citizens. The boat was pushed back to sea and given a warning not to conduct fishing in the Malaysian maritime zone." **Berna-**  
**ma**



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
8/11/2020	KOSMO AHAD	NEGARA	13



SEKOR ikan laga mengembangkan ekor dan sirip hingga memukau mata seselapa sahaja yang memandang pada pameran *Return of the Ancient Heroes* di Kuala Lumpur baru-baru ini.



PERTANDINGAN bertaga dengan *angry stick* dicipta untuk melihat keagresifan ikan bertaga sama sendiri tanpa cedera.

## Tarikan ikan laga

### Lensa Ahad

DENGAN badan warna-warni, sirip dan ekor yang kembang bak 'skirt' menjadikan ikan laga atau nama saintifiknya *Betta Splendens* digilai oleh peminatnya sebagai hiasan popular di rumah.

Ikan laga akan mengembangkan ekornya apabila ingin bertaga

antara satu sama lain dan memiliki kelainan merangkumi bentuk badan normal tanpa kecacatan, saiz bukaan ekor serta kombinasi warna yang pelbagai.

Walaupun bersaiz kecil, ikan laga mempunyai nilai komersial disebabkan keunikan dan kecantikannya.

Jurugambar FARIZ RUSADIO merakamkan detik menarik ketika penganjuran *Return of the*

*Ancient Heroes* oleh Persatuan Pecinta Ikan Laga Liar Malaysia di Kuala Lumpur baru-baru ini yang menghimpunkan lebih 1,900 penyertaan.

Himpunan yang mendapat sambutan hangat peminat ikan laga itu turut mempamerkan 26 spesies ikan tersebut yang terancam dan hampir pupus disebabkan kemusnahan ekosistem di Malaysia.



ORANG ramai melihat ikan laga yang semakin popular untuk dijadikan sebagai ikan hiasan di rumah.



PARA juri menyuluh lampu ke bahagian belakang badan ikan laga untuk melihat bentuk badan normal tanpa kecacatan, saiz bukaan ekor serta kombinasi warna yang pelbagai.



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
8/11/2020	SINAR AHAD	NEKMAT	7

**PRODUK ENNA & QFISH**

Dapatkan Keluaran Persatuan Nelayan Kebangsaan (NEKMAT) dirangkaian Kedai Halal Mart berdekatan anda ataupun pembelian secara atas talian <http://nekmatbiz.com.my> & <http://shopee.com.my/nekmat.os>

**PRODUK SEJUK BEKU**

NEKMAT ingin membantu anda menambah pendapatan untuk menjadi agen pemasaran produk keluaran kami. Boleh berhubung terus di talian 03-61361808 atau email [info@nekmat.com.my](mailto:info@nekmat.com.my)

persatuannelayankebangsaan 
 nekmat\_kl 
 @nekmat\_kl 
 [www.nekmat.com.my](http://www.nekmat.com.my)



# Tiada lagi kelah di Sungai Lebir

Lubuk rezeki  
Orang Asli  
terancam, air  
berkeladak

Oleh Ramli Ibrahim  
bhnews@bh.com.my

**Gua Musang:** "Dahulu, memang mudah dapat ikan kelah ketika air sungai ini jernih, tetapi sekarang ia semakin sukar diperolehi," kata Zakaria Abdullah, 53, penduduk Orang Asli di Kampung Pasir Linggi, di sini.

Beliau berkata, keadaan itu menyusul kesan air Sungai Lebir yang berkeladak dan berselut menyebabkan ikan "kelah sukar membiak, sebaliknya menyebabkan hidupan terbabit semakin pupus.

Malah, katanya, disebabkan kepupusan memperoleh hasil tangkapan ikan kelah dan ikan spesies lain menyebabkan penduduk di situ hilang punca pendapatan.

"Sebelum ini saya pernah memperoleh pendapatan melalui hasil tangkapan ikan sungai sekitar RM200 sehari, terutama jualan ikan kelah yang tinggi harganya.

"Namun, sekarang jika tabung pulsat atau merjala dari pagi hingga petang hendak dapat seekor ikan pun susah dan kerap pulang ke rumah dengan tangan kosong," katanya mendakwa pernah menemui beribu ikan mati di sungai itu, dipercayai akibat pencemaran pembuangan bahan toksik.

Bekas Tok Batin Kampung Pasir Linggi, Bolek Lilin, 76, berkata sebelum ini sungai itu menjadi lubuk rezeki penduduk untuk menangkap ikan, termasuk kelah, lampam, patin dan tebarau.



**Bukan sahaja  
sungai itu alami  
kepupusan ikan, malah  
tidak lagi boleh diguna  
untuk keperluan harian.**

Bolek Lilin,  
Bekas Tok Batin  
Kampung Pasir Linggi



**Zakaria menunjukkan air Sungai Lebir yang berkeladak dan berselut di Kampung Pasir Linggi, Gua Musang, Kelantan.** (Foto Ramli Ibrahim/BH)

"Kimi, kami anggap kerja menangkap ikan di sungai ini tidak lagi memberi keuntungan dan kebanyakan pukal dibeli kimi disamping sahaja," katanya.

Beliau juga percaya pencemaran sungai itu adalah disebabkan pelbagai aktiviti, termasuk pembuangan tanah ladang per lombong bijih yang tidak terkawal.

Katanya, bukan sahaja sungai itu mengalami kepupusan ikan,

malah air sungai itu juga tidak lagi boleh digunakan untuk keperluan harian, termasuk mandi atau membasuh pakaian.

"Apabila digunakan untuk mandi, badan menjadi gatal dan jika membasuh pakaian terlekat air berselut berwarna kuning.

"Jika sebelum ini penduduk membina rakit buluh untuk aktiviti menangkap ikan sungai, kini semua itu terhenti," katanya.



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
8/11/2020	METRO AHAD	DI MANA ADA USAHA	6

## di mana ada usaha...

Oleh Nor 'Asyikin Mat Hayin dan Zaid Salim am@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Walaupun berketi-  
gian hanya 1.26  
meter, semangat  
dan keinginan mahu berjaya  
Ikhsan Sirat, 58, yang juga  
individu kerdil cukup mem-  
buat-buak.

Buktinya, kini namanya  
sebaris dengan peniaga trak  
makanan berjaya lain hasil  
berniaga kebab.

Ikhsan kini memiliki lima  
trak makanan dengan pen-  
dapatan cukup lumayan.

Ikhsan berkata, kejayaan  
itu hasil perubahan dilaku-  
kan ke atas dirinya ke arah  
individu lebih positif, tidak  
malu atau rendah diri de-  
ngan kekurangan fizikal, se-  
lain bekerja keras dan tidak  
berputus asa.

"Kejayaan ini bukan da-  
tang bergolek kerana saya  
turut melalui banyak halan-  
gan serta ujian dalam perni-  
agaan.

"Pernah juga pelanggan  
'tidak nampak' trak makan-  
an saya sedangkan saya  
berniaga pada hari berke-  
naan.

"Keadaan itu berlarutan  
sebulan menyebabkan saya  
menanggung kerugian," kata-  
nya.

Dia yang lebih mesra di-  
sapa Wak Ikhsan berkata, se-  
belum mengusahakan perni-  
agaan kebab, dia berniaga  
burger RM1 di pasar malam  
di Petaling Jaya pada 1985.

"Memang tidak mudah  
untuk memulakan perniaga-  
an ini, selain bersaing de-  
ngan beberapa peniaga lain.

"Saya juga beberapa kali  
dikompau, malah baran-  
gan perniagaan disita pi-  
hak berkuasa.

"Namun, saya tidak per-  
nah mengalah dan tetap me-  
neruskan perniagaan kerana  
sentiasa optimis walaupun  
ada banyak cabaran," kata-  
nya.

Bapa kepada lima anak ini  
berkata, selain burger, ketika

# SEMANGAT BESAR INSAN 'KECIL'

**Wak Ikhsan kini ada lima trak makanan  
jual kebab, positif di sebalik pelbagai ujian**

itu dia juga menjual roti John  
dan perniagaan diusahakan  
semakin berkembang maju.

Katanya, pada 1995 dia  
beralih menjual kebab ke-  
rana lebih mudah dikenda-  
likan selain potensi keun-  
tungan yang lebih tinggi.

"Alhamdulillah, inti  
(kebab) istimewa  
saya hasilkan  
menggunakan  
resipi sendiri  
berjaya me-  
mikati hati  
pelanggan,"  
katanya yang  
terkenal de-  
ngan sikap pe-  
ramah dan mes-  
ra dengan pelan-  
gan.

Ikhsan yang menetap di  
Shah Alam, Selangor berka-  
ta, pada 2014, dia membeli  
trak makanan kerana lebih  
mudah berniaga secara ber-  
gerak.

"Saya juga menerima se-  
buah trak makanan daripada  
Kementerian Sumber Ma-  
nusia.

"Kemudian, saya membe-  
li lagi tiga trak makanan  
untuk berniaga di lebih  
banyak kawasan de-  
ngan dibantu enam  
pekerja," katanya.

Menurut Ikhsan,  
antara lokasi lipu-  
tan perniagaan-  
nya ialah ICT Shah  
Alam, Pejabat Ke-  
sihatan Putrajaya,  
Kementerian Per-  
tanian dan Indus-

tri Makanan dan Jabatan  
Perkhidmatan Awam.

"Pada 2016, saya menjadi  
usahawan Lembaga Pema-  
saran Pertanian Persekutu-  
an (Fama) dan aktif menyertai  
jualan anjuran agensi  
ini.

"Saya pernah berniaga  
di Pameran Pertani-  
an Hortikultur  
dan Agro Pelan-  
cangan Antara-  
bangsa (Maha)  
dan meraih ju-  
alan RM12,000  
sehari," kata-  
nya.

Ikhsan ber-  
kata, dia  
mempunyai  
simpanan untuk  
mengembangkan  
perniagaan ke-  
pada bentuk  
francais di ba-  
wah jenama  
Wak Ikhsan

Kebab.  
Katanya, walaupun turut  
terkesan dengan pandemik  
Covid-19, dia tetap positif  
yang perniagaannya akan  
berkembang semula.

"Buat rakan seperti saya,  
jangan malu dan rasa ren-  
dah diri, jika saya boleh me-  
laksukannya, kalian juga pasti  
mampu berjaya," katanya.

"Saya juga  
beberapa kali  
dikompau, malah  
barang  
perniagaan disita  
pihak berkuasa  
Ikhsan Sirat

FOTO: AZIAH AZMI



IKHSAN optimis perniagaannya berkembang semula walaupun kini terkesan pandemik Covid-19.



IKHSAN di sisi  
satu daripada  
lima trak  
makanan  
milkaya.



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
8/11/2020	METRO AHAD	XPRESI	36



Untuk menghasilkan pokok jambu Unda yang terbaik penggunaan baja dan siraman perlu diberi perhatian sepenuhnya, pokok tidak akan berbuah lebat sekiranya dua faktor berkenaan gagal dilakukan mengikut jadual

**CHE SOH**

JAMBU batu hibrid Unda.

# POKOK MANJA 'BELAIAN' LEBIH

Tanaman jambu Unda menguntungkan jika aktiviti membaja, memangkas dan meracun ikut jadual

## AGRO

Oleh Mohd Rafi Mamat  
rencana@hmetro.com.my

Episod 50 pokok jambu batu hibrid Unda yang ditanam mati secara serentak tahun lalu antara pengalaman memluakan dilalui sepanjang lapan tahun terbahit dalam sektor pertanian secara komersial.

Penyakit akar yang menyerang menyebabkan semua pokok dewasa sedang berbuah mati kata pekebun berjaya besar, Che Soh Harun, 51 yang mengusahakan projek

tanaman jambu seluas 1.2 hektar di Kampung Bukit Serdang, Rompin, Pahang. Menurutny, hikmah di sebalik kejadian yang berlaku itu mencetus idea untuknya mencuba teknik tanaman dalam polibeg dan kejayaan ternyata berpihak kepadanya tanpa diduga.

Katanya, kaedah yang digunakan itu bukan sahaja dapat menyelamatkan pokok baharu daripada dijangkiti penyakit akar kerana ditanam atas tapak sama. Tetapi, lebih penting peratus kesuburan pokok lebih tinggi hingga mampu mengeluarkan dalam masa singkat.

"Dalam tempoh enam



POKOK jambu batu hibrid Unda kini mengeluarkan hasil.



CHE Soh bersama hasil jambu batu hibrid Undanya.



8/11/2020

METRO  
AHAD

XPRESI

37



BAGI menghasilkan buah jambu ini yang berkualiti, aspek penjagaan baja dan penyimpanan juga penting.



FOTO: MOHO RAFIKAMAT

CHE Soh (kanan) memberi pelanggan merasa jambu batu hibrid Unda.

hingga tujuh bulan pokok yang ditanam mengeluarkan hasil secara berperingkat dan kini sebahagian daripada 50 pokok yang ditanam berbuah. Kualiti serta saiz buah juga lebih baik.

"Untuk menghasilkan pokok jambu Unda yang terbaik, penggunaan baja dan siraman perlu diberi perhatian sepenuhnya, pokok tidak akan berbuah lebar sekiranya dua faktor berkenaan gagal dilakukan mengikut jadual," katanya yang berpuashati dengan pencapaian dilakar.

Dia mengakui rasa manis dan rangup dimakan serta saiz buah yang besar menjadikan jambu batu Unda dihasilkan mendapat permintaan begitu menggalakan daripada pengguna.

Che Soh berkata, pokok jambu yang dihasilkan menerusi kacukan jenis Lohan dan GU8 ini mampu menghasilkan buah sepanjang tahun selepas matang dengan setiap pokok mampu mengeluarkan buah antara 100 hingga 200 biji setiap setahun.

Katanya, mengusahakan tanaman jambu Unda mampu memberi pulangan menguntungkan jika dilakukan bersungguh-sungguh dan mengikut jadual kerja menabatkan aktiviti membaja, memangkas dan meracun.

Tegasnya lagi, jambu batu dikategorikan sebagai pokok manja yang memerlukan perhatian lebih serta mudah diserang penyakit dan serangga jika pengawalan tidak dilakukan dengan sempurna.

"Pokok jambu batu akan mengeluarkan hasil apabila mencapai usia setahun setengah hingga dua tahun bergantung kepada penjagaan, kesuburan dan kadar kelembapan tanah. "Kemuncak

pengeluaran buah ketika pokok berusia lapan tahun. Ketika itu pokok mampu mengeluarkan hasil sehingga 45 tan membabitkan kawasan seluas 1.2 hektar. Purata berat buah antara 800 gram hingga 1.8 kilogram (kg) sebiji," katanya yang kini turut mengusahakan ladang jambu Unda secara usaha sama dengan rakannya di Gua Musang, Kelantan.

Che Soh menambah, jambu Unda dibahagikan kepada tiga grad iaitu A, B dan C bergantung kepada saiz dan kualiti. Harga pasaran semasa antara RM6 hingga RM7 sekilogram.

Katanya, jambu Unda Gold yang terhasil secara semula jadi kini mendapat permintaan begitu menggalakan, walaupun harganya lebih tinggi namun pengguna tetap sentiasa memilihnya disebabkan rasanya manis dan rangup.

Menurut bapa-kepada empat cahaya mata ini, bagi memenuhi permintaan pekebun, dia juga menghasilkan anak pokok jambu menggunakan teknik tur yang dijual dengan harga RM15 hingga RM20 sepokok mengikut saiz. "Saya sedia berkongsi pengalaman dengan mana-

mana pihak yang berminat mengusahakan kebun jambu Unda yang mampu memberi pendapatan lumayan.

"Saya juga kini terus menjalankan aktiviti promosi dan pemasaran, terbaharu di Putrajaya dan Kelantan. Permintaan terhadap jambu Unda kini makin menggalakan.

"Saya berharap suatu hari nanti jambu Unda berada di pasaran seluruh negara sama seperti buah tempatan lain," katanya yang sebelum ini bertugas selama 18 tahun dengan Lembaga Penyatuan dan Pemuliharaan Tanah

Persekutuan (FELCRA).

Katanya, aktiviti jualan dilakukan dengan cara jual terus kepada pembeli dengan kaedah 'cash on delivery' (COD) atau bayar selepas terima dan pembeli datang ke kebun.

Jualan buah potong turut dilakukan di sekolah dan beberapa kedai.

Beliau berkata, pada musim tertentu dia tidak memenuhkan permintaan pengguna, kemuncak pengeluaran hasil berlaku bermula September hingga Disember.

Pada bulan lain jumlah buah menurun terutama pada musim panas.



POKOK jambu batu hibrid Unda yang berumur tujuh bulan ditanam dalam polybag sudah mengeluarkan hasil pertamanya.